

Skim penjagaan sepadu kanak-kanak kurang bernasib baik diperluas



PERLUAS MISI: Encik Yap Poh Kheng (*dua dari kiri*) bersama ahli panel lain yang terdiri daripada (*dari kiri*) pekerja sosial Care Corner, Cik Geraldine Foo; CEO Yayasan Lien, Encik Lee Poh Wah; Konsulten Circle of Care, Dr Khoo Kim Choo; Pengetua Sekolah Rendah Lakeside, Cik Wang-Tan Sun Sun; dan Pengetua Utama Prasekolah PCF Sparkletots, Cik Carole See. — Foto JOHARI RAHMAT

SKIM pendidikan dan penjagaan sepadu yang memberi tumpuan khusus kepada kanak-kanak prasekolah kurang bernasib baik akan diperluas.

Dikenali sebagai 'Circle of Care' (COC), ia menggunakan pendekatan bersepadu dengan penglibatan pekerja sosial, ahli terapi dalam pendidikan dan rakan kongsi masyarakat bagi menyediakan penjagaan holistik yang berterusan buat kanak-kanak dengan latar belakang keluarga serupa itu.

Ia dikendalikan oleh pertubuhan kebajikan Yayasan Lien dan Care Corner Singapore pada 2013 sebagai projek perintis di dua pusat penjagaan kanak-kanak milik Care Corner iaitu Prasekolah MY World di Admiralty dan Leng Kee.

Sebanyak 95 peratus daripada 76 kanak-kanak dari dua prasekolah tersebut datang daripada ke-

uarga yang berpendapatan kurang daripada \$3,000 sebulan dan menetap di flat sewa HDB.

Dalam satu sidang akhbar semalam, Care Corner dan Yayasan Lien berkata skim itu akan diperluaskan tahun ini dengan menambah tujuh lagi prasekolah dengan tiga rakan kongsi utama yang mengendalikan prasekolah iaitu Prasekolah MY World, Yayasan Masyarakat PAP (PCF) dan Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) serta dua sekolah rendah, Sekolah Rendah Lakeside dan Sekolah Rendah Gan Eng Seng, tahun ini.

Sepanjang tiga tahun skim COC dikendalikan, banyak peningkatan dapat dilihat dari segi penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak, di mana mereka lebih mengambil berat dan turut serta dalam perjumpaan bersama guru bagi membincangkan tentang pencapaian anak mereka.

Di samping itu, pencapaian kanak-kanak dalam kemahiran membaca dan menulis serta mengira menerusi program bagi persiapan ke sekolah turut meningkat.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Care Corner, Encik Yap Poh Keng, berkata:

“Sebagai Pertubuhan Kebajikan Sukarela (VVO) yang mengendalikan kedua Pusat Perkhidmatan Keluarga dan prasekolah, kami mendapati hubungan antara kerja sosial dan pendidikan awal kanak-kanak sangat penting.”

Pengarah Kanan PPIS, Encik Mohd Ali Mahmood, pula berkata:

“Kita perlu fikir lebih daripada sekadar bantuan kewangan dan pencapaian akademik apabila berhadapan dengan masalah yang dihadapi oleh golongan ini, mereka memerlukan pendekatan dan kemahiran yang berbeza.”